

VEIASU FILM-COATED TABLETS

Gefitinib (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Veiasu
2. Bagaimana Veiasu berfungsi
3. Sebelum menggunakan Veiasu
4. Cara menggunakan Veiasu
5. Semasa menggunakan Veiasu
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Veiasu
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Veiasu

Veiasu digunakan untuk merawat *non-small cell lung cancer (NSCLC)*, yang merupakan satu jenis kanser paru-paru. Veiasu digunakan untuk kanser pada peringkat lanjutan.

Bagaimana Veiasu berfungsi

Veiasu mengandungi bahan aktif *gefitinib*. *Gefitinib* menghalang protein yang dikenali sebagai '*epidermal growth factor receptor*' (EGFR). Protein ini terlibat dalam pertumbuhan dan penyebaran sel-sel kanser.

Sebelum menggunakan Veiasu

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Veiasu tablet jika anda alergic (hipersensitif) terhadap *gefitinib* atau mana-mana bahan kandungan Veiasu tablet yang lain (*sila rujuk senarai bahan kandungan*).

Veiasu tidak digalakkan untuk penggunaan oleh kanak-kanak atau remaja.

Sebelum mula menggunakan Veiasu

Jika anda mempunyai keadaan yang berikut:

- Sedang atau pernah mengalami sebarang penyakit paru-paru yang lain, selain daripada kanser paru-paru. Sebahagian daripada penyakit ini mungkin menjadi lebih teruk semasa rawatan dengan Veiasu
- Hamil atau mencuba untuk hamil. Anda harus mengelak daripada menjadi hamil semasa rawatan dengan Veiasu
- Menyusukan bayi. Untuk keselamatan bayi anda, anda perlu berhenti menyusukan semasa rawatan dengan Veiasu

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengambil ubat berikut:

- Warfarin (untuk mengelakkan darah beku), kerana Veiasu boleh mempengaruhinya. Doktor anda mungkin perlu memeriksa darah anda dengan lebih kerap
- *Phenytoin*, *carbamazepine*, *rifampicin*, *barbiturates*, *St John's Wort* atau *itraconazole*, atau mana-mana ubat-ubat yang mengurangkan keasidan pada perut anda, seperti *ranitidine*. Ubat-ubatan ini boleh menjejaskan cara Veiasu berfungsi.

Cara menggunakan Veiasu

Berapa banyak harus digunakan

Ambil satu tablet, sekali sehari, sebaik-baiknya pada waktu yang sama setiap hari.

Bagi orang yang hanya mampu menelan cecair, tablet itu boleh dilarut dalam air. Tablet ini perlu dimasukkan ke dalam setengah gelas air minuman (tidak berkarbonat), tanpa dihancurkan, dan air dikacau sehingga tablet telah tersebar (kira-kira 15 minit) dan kandungan diminum serta-merta. Gelas perlu dibilas dengan setengah gelas air lagi dan kandungannya diminum.

Cecair ini juga boleh digunakan melalui tiub nasogastrik.

Bila perlu digunakan

Anda boleh mengambil Veiasu dengan atau tanpa makanan. Cuba mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari. Ini akan membantu anda mengingati bila anda perlu mengambil ubat.

Veiasu mesti diambil secara berterusan untuk ianya berkesan. Terus mengambil Veiasu walaupun terdapat tanda-tanda pemulihan. Jangan berhenti mengambil Veiasu melainkan jika diarahkan oleh doktor anda.

Berapa lama perlu digunakan

Anda harus mengambil tablet Veiasu setiap hari selagi dipreskripsikan oleh doktor. Jika anda ada soalan mengenai tempoh rawatan, sila tanya doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos yang tertinggal sebaik saja anda ingat, selagi ianya sekurang-kurangnya 12 jam sebelum dos seterusnya.

Jika ianya kurang dari 12 jam sebelum dos seterusnya, jangan ambil dos yang tertinggal. Jangan mengambil dos berganda (dua dos pada masa yang sama) untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil terlalu banyak Veiasu tablet, hubungi doktor atau hospital dengan segera untuk mendapatkan nasihat. Tunjukkan mereka pek tablet anda. Rawatan perubatan mungkin diperlukan.

Semasa menggunakan Veiasu

Perkara yang perlu dilakukan

Anda mesti terus ambil Veiasu setiap hari mengikut arahan doktor anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti rawatan tanpa berunding dengan doktor.

Jangan gunakan Veiasu tablet untuk merawat sebarang keadaan lain melainkan jika doktor memberitahu anda untuk berbuat demikian.

Jangan memberi atau mengesyorkan Veiasu tablet kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu & menggunakan mesin

Semasa rawatan dengan Veiasu, kekurangan tenaga dan kekuatan dilaporkan. Orang yang mengalami simptom ini perlu berhati-hati apabila memandu atau menggunakan mesin.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk tonik herba, suplemen kesihatan atau ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Veiasu tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Hubungi doktor anda jika mana-mana kesan berikut berlaku kepada anda, kerana anda mungkin memerlukan pemeriksaan atau rawatan lanjut:

- Sesak nafas yang serius, atau sesak nafas secara tiba-tiba dan menjadi lebih teruk, mungkin dengan batuk atau demam. Sesetengah orang yang mengambil Veiasu boleh menghadapi radangan paru-paru yang dipanggil *interstitial lung disease*. Kesan sampingan ini adalah perkara biasa (kira-kira 1 daripada setiap 100 orang mungkin mengalaminya), dan beberapa orang telah meninggal dunia akibatnya.
- Pendarahan yang tidak dijangka, jika anda juga mengambil warfarin.
- Sesetengah orang mengalami dehidrasi (1 hingga 10 daripada setiap 100 orang) berikutan cirit-birit yang berterusan atau teruk, muntah-muntah, loya atau hilang selera makan.
- Masalah mata yang baru atau bertambah teruk, seperti kemerahan, sakit, mata berair, kepekaan cahaya atau perubahan kepada

penglihatan anda. Sesetengah orang telah mengalami ulser pada permukaan mata (kornea), kadang-kadang dengan bulu mata tumbuh kedalam mata; kesan sampingan ini tidak biasa (kurang daripada 1 dalam setiap 100 orang).

- Tindak balas kulit yang teruk yang menjejaskan sebahagian besar badan anda termasuk kemerahan, kesakitan, ulser, lepuh, kulit mengelupas atau penglibatan bibir dan membran mukus (*toxic necrolysis epidermis, Stevens Johnson syndrome, erythema multiforme*). Tindak balas kulit jenis ini jarang berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 1,000 orang mungkin mengalaminya).

Beritahu doktor anda jika mana-mana kesan sampingan yang berikut mengganggu anda: Kesan-kesan sampingan yang sangat biasa (lebih daripada 10 daripada setiap 100 orang mungkin mengalaminya):

- Cirit-birit
- Loya
- Reaksi kulit misalnya ruam yang kelihatan seperti jerawat, kadang-kadang gatal dengan kulit kering dan / atau kulit retak
- Muntah
- Kelemahan
- Hilang selera makan
- Mulut merah dan sakit

Kesan-kesan sampingan yang biasa (1 hingga 10 daripada setiap 100 orang mungkin mengalaminya):

- Mulut kering
- Masalah kuku
- Kehilangan rambut
- Mata kering
- Mata merah dan gatal
- Kelopak mata merah dan sakit
- Hidung berdarah dan darah dalam air kencing anda
- Demam

- Protein dalam air kencing anda (ditunjukkan dalam ujian air kencing)
- *Cystitis* (rasa pedih semasa kencing, dan keperluan mendesak dan kerap untuk membuang air kecil)
- Reaksi alahan, termasuk bengkak bibir, muka, lidah atau tekak dan geligata atau ruam netel

Kesan-kesan sampingan yang tidak biasa (kurang daripada 1 dalam setiap 100 orang mungkin mengalaminya)

- Keradangan pankreas, dengan gejala seperti sakit yang amat teruk di bahagian atas kawasan perut dan loya teruk dan muntah-muntah
- Keradangan hati. Gejala termasuk berasa tidak sihat, kemungkinan dengan atau tanpa jaundis (kekuningan kulit dan mata). Ini kesan sampingan yang tidak biasa, namun sesetengah orang telah meninggal dunia disebabkan.
- Penembusan gastrousus

Kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 1,000 orang mungkin mengalaminya)

- Keradangan saluran darah di kulit. Ini boleh memberi kesan lebam atau tompok ruam pada kulit yang tidak akan hilang walaupun ditekan.
- *Cystitis* berdarah

Kesan-kesan sampingan yang berikut juga boleh berlaku dengan Veiasu, dan ianya diperhatikan apabila ujian darah diambil:

- Perubahan paras enzim hati dan bilirubin. Jika tahap ini menjadi sangat tinggi, doktor anda mungkin perlu menghentikan rawatan.
- Perubahan kepada tahap enzim hati yang dikenali sebagai *alanine amino-transferase* (ALT) adalah sangat biasa (lebih daripada 10 daripada setiap 100 orang)

- Perubahan kepada tahap bilirubin dan enzim hati lain yang dikenali sebagai *aspartate aminotransferase* (AST) adalah biasa (1 hingga 10 daripada setiap 100 orang)
- Perubahan kepada tahap kreatinin dalam darah anda, yang menunjukkan bagaimana buah pinggang anda bekerja. Kesan sampingan ini adalah biasa (1 hingga 10 daripada setiap 100 orang).

Jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang menjadi serius or tidak disenaraikan disini, sila maklumkan doktor anda atau ahli farmasi anda secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan Veiasu

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C, jauh daripada cahaya matahari. Simpan di tempat yang dingin serta kering. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan menggunakan Veiasu tablet selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label dan karton.

Jika doktor memberitahu anda untuk berhenti mengambil Veiasu tablet, ataupun tablet anda telah melepasi tarikh luput, tanya ahli farmasi atau doktor bagaimana menguruskan ubat tersebut. Jangan buang baki ubat atau

ubat yang luput tarikh ke dalam tong sampah.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna ubat

Tablet coklat bersalut film, bulat dwicembung, debossed dengan ‘LP100’ di satu belah.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Gefitinib*.

Bahan-bahan tak aktif:

Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, croscarmellose sodium, povidone K-30, sodium laurilsulfate, magnesium stearate, Opadry II 85F96667

Nombor MAL:

MAL22106011AZ

Pengilang

Lotus Pharmaceutical Co., Ltd,
Nantou Plant
No 30, Chenggong 1st Rd.,
Sinsing Village,
Nantou City,
Nantou County 540033,
Taiwan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Lotus Healthcare Malaysia Sdn. Bhd.
UOA Business Park, Tower 3,
9th Floor, K03-09-11,
1 Jalan Pengaturcara U1/51A,
Section U1,
40150 Shah Alam,
Malaysia

Tarikh Kemaskini:

15/04/2026

No Siri:

NPRA(R2)21/155